KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

DUA HELIKOPTER AW139 BAHARU PERKUKUH KEUPAYAAN OPERASI UDARA JBPM

SUBANG, 4 November 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperkukuh pengoperasian Bahagian Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerusi **penambahan dua (2) buah helikopter AW139, meningkatkan kekuatan aset udara beroperasi JBPM kepada 10 buah helikopter**.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata, dua (2) buah helikopter baharu yang dilengkapi Perkhidmatan Perubatan Kecemasan Helikopter (HEMS) itu diperoleh menerusi Projek Konsesi Pajakan Helikopter untuk kegunaan agensi kerajaan bersama pihak Weststar. Daripada dua (2) aset baharu tersebut, sebuah helikopter ditempatkan di pangkalan Bertam, Pulau Pinang, manakala sebuah lagi akan ditentukan lokasi penempatannya berdasarkan keperluan operasi semasa. Penambahan ini melengkapkan kekuatan aset udara JBPM kepada 10 buah helikopter dengan lapan (8) buah aset sedia ada ditempatkan di Pulau Pinang, Selangor dan Sarawak.

Menurut beliau, penambahan dua (2) aset udara berkenaan dijangka meningkatkan kekuatan pengoperasian Bahagian Udara JBPM daripada 50 peratus kepada 85 peratus, sekali gus memperkukuh kesiapsiagaan jabatan dalam melaksanakan pelbagai misi menyelamat dan kecemasan.

“Penambahan aset ini bukan sekadar menambah jumlah helikopter, tetapi merupakan pelaburan strategik Kerajaan untuk mempercepatkan tindakan menyelamat, memperluas jangkauan operasi serta meningkatkan peluang menyelamatkan nyawa,” beliau berkata demikian ketika berucap pada **Majlis Peluncuran Pengoperasian Helikopter AW139 JBPM** di Hangar 75, AIROD Sdn. Bhd., Subang, hari ini.

Menerusi projek konsesi ini juga, seramai 12 juruterbang dan 12 kru penerbangan (AQM) telah dilatih di dalam dan luar negara dengan penglibatan kepakaran jurulatih daripada Leonardo, pengeluar helikopter yang terlibat dalam program berkenaan bagi memperkukuh keupayaan pengendalian pesawat dan kesiapsiagaan operasi.

Nga berkata, penubuhan Bahagian Udara JBPM pada tahun 1998 menjadi titik penting dalam evolusi perkhidmatan kebombaan negara. Bermula dengan hanya dua buah helikopter, Bahagian Udara kini berkembang menjadi komponen strategik JBPM yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan pelbagai misi menyelamat dan kecemasan.

“Bahagian Udara kini memainkan peranan penting dalam pelbagai misi termasuk pemadaman kebakaran hutan, operasi mencari dan menyelamat (SAR), pemindahan pesakit menggunakan helikopter (MEDIVAC), perkhidmatan ambulans udara (Air Ambulance), pemindahan jenazah (BODEVAC) serta sokongan logistik,” katanya.

Menurut beliau, penggunaan aset udara membolehkan JBPM meningkatkan keberkesanan operasi SAR, mempercepatkan penghantaran pasukan penyelamat ke lokasi kejadian serta mengurangkan risiko keletihan dan kecederaan dalam kalangan anggota penyelamat.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Majlis Keselamatan Negara, Unit Kerjasama Awam Swasta, Weststar dan Leonardo atas komitmen yang diberikan sepanjang proses kerjasama tersebut dan berharap kerjasama strategik dapat terus diperkukuh, khususnya dalam bidang pembangunan teknologi penerbangan, latihan serta pemindahan kepakaran bagi meningkatkan keupayaan operasi JBPM pada masa hadapan.

Kerjasama strategik ini diharap dapat terus diperkukuh menerusi pembangunan teknologi penerbangan, latihan berterusan dan pemindahan kepakaran, sekali gus memastikan JBPM kekal sebagai pasukan penyelamat yang berkeupayaan tinggi, responsif dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 I Faks : 03-8891 5557 I E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my